



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

GARIS PANDUAN PENGUNAAN LOGO RAHMAH



Terbitan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup – Sekretariat Perdagangan
Pengedaran dan Industri Perkhidmatan

Hakcipta Terpelihara 2025 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

Tiada mana-mana bahagian terbitan ini boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dan diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Untuk maklumat lanjut, hubungi:

Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup,
Aras 5 (Podium 1), No.13, Persiaran Perdana,
Presint 2, Pusat Petadbiran Kerajaan Persekutuan,
62623 Putrajaya, Malaysia.

Hotline : 1 – 800 – 886 – 800

Tel : 603 – 8882 6205

Faks : 03 – 8882 6490

No. Aduan WhatsApp : 6019 – 279 4317

Emel : e-aduan@kpdn.gov.my

Aduan : <http://e-aduan.kpdn.gov.my>

Cetakan Kedua di Malaysia oleh,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

KANDUNGAN

1.	PENGENALAN	4
2.	LATAR BELAKANG	7
3.	OBJEKTIF	7
4.	LOGO RAHMAH	8
5.	PROSEDUR DAN TATACARA PENGGUNAAN LOGO RAHMAH	8 - 15
6.	PENGGUNAAN LOGO RAHMAH TANPA KEBENARAN	15
7.	MAKLUMAT DIHUBUNGI	15 - 18
8.	LAMPIRAN	19 - 25

1. PENGENALAN

- 1.1 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mula melaksanakan Program Payung RAHMAH sejak Januari 2023 sebagai manifestasi keprihatinan dan konsep ihsan Kerajaan kepada rakyat. Konsep RAHMAH ini adalah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat sebagai salah satu *touch point* utama Kerajaan Perpaduan yang sentiasa prihatin mengenai kos sara hidup demi menjaga kesejahteraan dan mendahulukan kebajikan rakyat. Pelaksanaan program ini pada awalnya melibatkan kumpulan sasar yang terdiri daripada golongan Miskin Tegar, Miskin dan Berpendapatan Rendah (B40), namun ianya telah diperluaskan untuk manfaat seluruh rakyat Malaysia.
- 1.2 Objektif utama Program Payung RAHMAH ini adalah untuk membantu kumpulan miskin tegar B10 (pendapatan kurang daripada RM2,500) dan golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan bantuan makanan dan barangan keperluan asas dalam mendepani isu kos sara hidup.
- 1.3 Terdapat lima (5) inisiatif utama di bawah Program Payung RAHMAH iaitu:-

1.3.1 Menu RAHMAH

Menu RAHMAH merupakan inisiatif yang memberikan peluang kepada rakyat untuk mendapatkan pilihan hidangan makan tengah hari atau makan malam yang seimbang pada harga tidak melebihi RM5.00 (termasuk cukai) bagi setiap hidangan termasuk minuman. Inisiatif ini merupakan hasil kerjasama para pengusaha dan pemain industri melalui sesi libat urus yang dijalankan oleh KPDN. Pelaksanaan inisiatif ini digerakkan sendiri oleh peniaga (*Private Driven Initiative*) dan dilaksanakan secara sukarela.

1.3.2 Bakul RAHMAH

Bakul RAHMAH merupakan inisiatif sumbangan berbentuk bakul makanan yang terdiri daripada barangan keperluan harian (barangan kering) seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum, susu pekat, bihun dan telur ayam. Ia disumbangkan oleh rakan strategik kepada kumpulan sasaran pada setiap bulan melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Inisiatif ini juga boleh disumbangkan melalui jualan produk di bawah inisiatif Jualan RAHMAH (barangan keperluan harian) yang dimasukkan sebagai Pakej RAHMAH dan boleh dibeli secara terus oleh pengguna atau didermakan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) kategori miskin dan miskin tegar, tertakluk kepada pelan operasi perniagaan masing-masing.

1.3.3 Jualan RAHMAH

Jualan RAHMAH merupakan inisiatif program jualan murah sepanjang tahun oleh pasar raya, pasar raya besar, kedai rangkaian dan semua premis perniagaan lain di bawah sektor peruncitan secara fizikal (asas) yang menawarkan potongan harga antara 10% hingga 30% berbanding harga jualan asal.

1.3.4 Pakej RAHMAH

Pakej RAHMAH merupakan inisiatif yang menawarkan potongan harga antara 10% hingga 30% berbanding harga jualan asal untuk semua produk di bawah sektor peruncitan melibatkan tiga (3) item minimum dalam satu pakej. Inisiatif ini juga telah dipanjangkan untuk semua produk lain di luar sektor peruncitan (tidak bersandarkan kepada inisiatif Jualan RAHMAH) seperti pelancongan, perhotelan, hospitaliti, fisioterapi, sukan dan kecergasan, perubatan, kesihatan, pendidikan, kecantikan dan sebagainya, tertakluk kepada pelan operasi perniagaan masing-masing.

1.3.5 Menu Siswa RAHMAH (dahulunya Kafe RAHMAH)

Menu Siswa RAHMAH yang dahulunya dijenamakan sebagai Kafe RAHMAH merupakan inisiatif untuk membantu mengurangkan kos sara hidup para pelajar di Universiti Awam (UA) dan semua institusi Pendidikan bagi mendapatkan hidangan asas sarapan pagi, makan tengah hari atau makan malam yang seimbang (dengan minuman) pada harga yang sangat berpatutan iaitu RM3.50 per set. Ini merupakan kerjasama kerajaan bersama pemain industri makanan melalui sesi libat urus yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

- 1.4 Program Payung RAHMAH telah dijenamakan semula sebagai Program Payung RAHMAH MADANI mulai 1 Mac 2024. Susulan daripada itu, KPDN telah memperluaskan lagi Program Payung RAHMAH melalui Inisiatif Ihsan RAHMAH Swasta dan Industri yang melibatkan penglibatan aktif pihak swasta dan industri dalam menonjolkan idea dan model tersendiri melalui sumbangan ihsan swasta dan industri. Inisiatif ini dilaksanakan oleh pihak swasta dan industri dan tanpa melibatkan kos kepada Kerajaan. Salah satu pelaksanaan Inisiatif Ihsan RAHMAH adalah Program Jualan Ihsan RAHMAH (PJIR) Musim Perayaan.

1.4.1 Program Jualan Ihsan RAHMAH (PJIR)

Program Jualan Ihsan RAHMAH (PJIR) Musim Perayaan merupakan inisiatif untuk memperluas dan meningkatkan kerjasama di antara KPDN dengan pihak swasta terutamanya melalui penglibatan aktif pihak swasta industri dalam mengeluarkan idea, model dan pandangan tersendiri dalam program-program yang dilaksanakan oleh industri. Pelaksanaan Program Jualan Ihsan RAHMAH (PJIR) Musim Perayaan adalah untuk meningkatkan kerjasama di antara pihak swasta dan

industri bagi manfaat rakyat Malaysia, membantu industri merencanakan aktiviti sektor peruncitan terutamanya semasa musim perayaan dan memperluaskan capaian tawaran jualan murah barang keperluan dan bukan keperluan kepada rakyat melalui kerjasama strategik dengan pihak swasta dan industri.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis panduan ini dibentuk untuk menyelaraskan dan menyeragamkan penggunaan logo RAHMAH dan bahan-bahan promosi bagi program RAHMAH yang dianjurkan oleh mana-mana individu, syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pemain industri dan agensi Kerajaan.
- 2.2 Garis Panduan ini juga diwujudkan untuk menerangkan perkara-perkara berkaitan prosedur, peraturan dan tatacara penggunaan logo RAHMAH yang ditetapkan kepada individu, syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pemain industri dan agensi Kerajaan.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Memastikan penggunaan logo RAHMAH hanya digunakan untuk penganjuran program serta perkara-perkara lain yang mendapat pengiktirafan, diyakini dan memberi impak positif kepada masyarakat;
- 3.2 Melindungi logo RAHMAH daripada dieksploitasi dan disalahguna;
- 3.3 Mewujudkan kawalan yang berkesan ke atas penggunaan logo RAHMAH; dan
- 3.4 Memelihara nama baik, imej, kredibiliti dan reputasi kerajaan melalui penggunaan logo RAHMAH secara wajar dan bersesuaian.

4. LOGO RAHMAH

- 4.1 Logo RAHMAH telah didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 5 Julai 2023. Logo RAHMAH ini dilindungi oleh Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815] dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019 dari sebarang penyalahgunaan dan eksploitasi oleh pihak selain pemilik Cap Dagangan. Logo RAHMAH ini adalah hak milik mutlak KPND.
- 4.2 Berdasarkan Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815] dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019, Kementerian ini mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan logo RAHMAH dalam sebarang urusan perdagangan. Kementerian ini juga berhak mengambil apa-apa tindakan undang-undang ke atas orang perseorangan, syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pemain industri dan agensi Kerajaan yang menyalahgunakan logo RAHMAH.
- 4.3 Logo RAHMAH yang didaftarkan di bawah Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815] dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019 di mana KPND adalah pemegang hak cipta yang sah adalah seperti di **LAMPIRAN (A1)**.
- 4.4 Senarai logo inisiatif-inisiatif di bawah Payung RAHMAH MADANI yang digunapakai oleh KPND adalah seperti di **LAMPIRAN (A2)** sehingga **(A7)**.

5. PROSEDUR DAN TATACARA PENGGUNAAN LOGO RAHMAH

- 5.1 Logo RAHMAH **TIDAK BOLEH** digunakan bagi tujuan komersial, kutipan sumbangan dan dana termasuk sebarang aktiviti yang bermotifkan keuntungan kepada mana-mana orang perseorangan, syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pemain industri dan agensi Kerajaan.

- 5.2 Penganjur wajib bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan tiada sebarang masalah atau isu berbangkit timbul dalam penganjuran program RAHMAH seperti penyalahgunaan logo RAHMAH agar tidak menjejaskan imej Kerajaan dan Negara.
- 5.3 KPDN **TIDAK AKAN** menanggung apa-apa bentuk liabiliti, isu, krisis yang terjadi kepada apa jua jenis program dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan penggunaan logo RAHMAH yang tidak sah dan tanpa kebenaran.
- 5.4 Prosedur dan tatacara penggunaan logo RAHMAH adalah seperti berikut:-

5.4.1 Menu RAHMAH

Pengusaha dan pemain industri Menu RAHMAH hendaklah menawarkan pilihan makanan tengah hari atau malam yang seimbang dan sihat, merangkumi nasi sebagai sumber karbohidrat, ayam atau ikan sebagai sumber protein, dan sayur-sayuran sebagai sumber serat dengan harga tidak melebihi RM5.00 bagi setiap hidangan termasuk minuman. Para pengusaha dan pemain industri makanan-minuman yang berminat untuk menyertai Menu RAHMAH boleh membuat pendaftaran melalui pautan <https://menurahmah.kpdn.gov.my>.

Semua pengusaha makanan dan minuman yang berdaftar dengan KPDN juga boleh memohon Kad Insentif Menu RAHMAH untuk mendapatkan stok barangan keperluan masakan pada harga yang lebih rendah dengan kerjasama pasar raya dan pasar raya besar terpilih secara berperingkat.

5.4.2 Bakul RAHMAH

Kepada Pemain Industri (Pengilang / Peruncit / Peniaga / Rakan Strategik / Pemegang Taruh), Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta orang perseorangan yang ingin menjadi penyumbang kepada Inisiatif Bakul RAHMAH adalah dialu-alukan untuk memberi sumbangan kepada golongan sasaran yang terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar dan mahasiswa-mahasiswi di Universiti Awam / Swasta dari kalangan kumpulan B40.

Sumbangan tersebut boleh diberikan dalam pelbagai bentuk sama ada daripada segi wang ringgit ataupun [penyediaan barangan keperluan harian (barangan kering) atau makanan sedia dimakan melalui Sekretariat Food Bank Malaysia (SFBM), KPDN sebagai penyelaras utama.

5.4.3 Jualan RAHMAH

Semua pasar raya, pasar raya besar, kedai rangkaian dan premis perniagaan lain di bawah sektor peruncitan secara fizikal hendaklah menawarkan potongan antara 10% hingga 30% berbanding harga jualan asal. boleh mengadakan dan menyertai Jualan RAHMAH.

Peniaga-peniaga dan pemain industri yang berhasrat untuk mengadakan Jualan RAHMAH di premis perniagaan masing-masing boleh membuat pendaftaran dan menghantar permohonan notis kepada KPDN melalui portal Sistem Notis Jualan Murah (NJM) di pautan <http://njm.kpdn.gov.my> bagi tempoh jualan yang kurang daripada 31 hari. Sekiranya, pemohon ingin melanjutkan tempoh Jualan RAHMAH selepas tamat tempoh 31 hari, pemohon boleh mengemukakan notis penyertaan jualan yang baharu kepada KPDN melalui Sistem

Notis Jualan Murah (NJM). Manakala, bagi pemohon yang berhasrat untuk mengadakan Jualan RAHMAH melebihi tempoh 31 hari, suatu notis atau permohonan bertulis hendaklah dihantar kepada Pegawai Pengawal (Ketua Setiausaha) KPDN bagi mendapatkan kelulusan.

KPDN boleh meluluskan permit jualan murah sehingga maksimum empat (4) bulan (melalui permohonan secara terus kepada Bahagian Penguatkuasa, KPDN berbanding tempoh maksimum 31 hari (melalui prosedur Notis Jualan Murah (NJM) yang sedia ada).

Prosedur permohonan Notis Jualan Murah (NJM) adalah seperti berikut:-

- i. Permohonan notis Jualan RAHMAH perlu dibuat secara dalam talian melalui portal Sistem Notis Jualan Murah (NJM);
- ii. Pemohon yang pertama kali mengakses Sistem Notis Jualan Murah (NJM) perlu mendaftar terlebih dahulu sebelum membuat permohonan notis;
- iii. Pemohon perlu membuat permohonan notis selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum jualan bermula;
- iv. Pemohon perlu mengisi beberapa butiran profil syarikat, lokasi jualan dan beberapa barangan yang hendak ditawarkan jualan murah;
- v. Pengesahan notis adalah secara automatik sebaik sahaja kesemua kriteria yang ditetapkan di dalam sistem Notis Jualan Murah (NJM) dipenuhi; dan

- vi. Notis Jualan Murah yang disahkan perlu dicetak oleh pemohon seterusnya disimpan di dalam setiap premis-premis yang mengadakan Jualan RAHMAH.

5.4.4 Pakej RAHMAH

Pihak perseorangan, syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pemain industri dan agensi Kerajaan hendaklah menawarkan potongan harga antara 10% hingga 30% berbanding harga jualan asal untuk semua produk di bawah sektor peruncitan dan bukan sektor peruncitan seperti perhotelan, fisioterapi, farmasi, optik dan sebagainya.

Pihak individu, syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pemain industri dan agensi Kerajaan boleh berhubung dengan Sekretariat Induk Program Payung RAHMAH MADANI, KPDN bagi sebarang info lanjut berkaitan Pakej RAHMAH.

5.4.5 Menu Siswa RAHMAH

Para peniaga dan pengusaha Menu Siswa RAHMAH di Universiti Awam (UA) hendaklah menawarkan hidangan asas sarapan pagi, makan tengah hari atau makan malam yang seimbang pada harga tidak melebihi RM3.50 per set. Para pengusaha dan pemain industri makanan-minuman yang berminat untuk menyertai Menu Siswa RAHMAH boleh berhubung dengan wakil universiti masing-masing atau berhubung dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Semua pengusaha makanan-minuman Menu Siswa RAHMAH juga digalakkan mendaftar dengan KPDN melalui pautan <https://menurahmah.kpdn.gov.my> bagi mendapatkan Kad Insentif Menu RAHMAH untuk mendapatkan stok barangan keperluan masakan pada harga yang lebih rendah dengan

kerjasama pasar raya dan pasar raya besar terpilih secara berperingkat.

5.4.6 Program Jualan Ihsan RAHMAH (PJIR)

Pihak swasta dan industri hendaklah terlibat secara aktif melalui program, idea dan model tersendiri berbentuk sumbangan ihsan bagi manfaat rakyat Malaysia. Hal ini dapat membantu industri merencanakan aktiviti sektor peruncitan terutamanya semasa musim perayaan di samping memperluaskan capaian tawaran jualan murah barang keperluan dan bukan keperluan kepada rakyat melalui kerjasama strategik dengan pihak swasta dan industri.

Program Jualan Ihsan RAHMAH (PJIR) Musim Perayaan akan memfokuskan kepada tujuh (7) siri musim perayaan utama Malaysia iaitu Tahun Baharu Cina, Jualan Kembali Ke Sekolah, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Deepavali dan Hari Krismas.

Kaedah pelaksanaan Program Jualan Ihsan RAHMAH (PJIR) Musim Perayaan adalah seperti berikut:-

- i. Jualan murah akan dilaksanakan berdasarkan inisiatif pihak swasta dan industri sendiri;
- ii. Kadar diskaun yang diberikan adalah bergantung kepada pihak swasta dan industri serta perlu membuat permohonan Notis Jualan Murah (NJM) kepada KPDN selaras dengan Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) (Pindaan 2019); dan
- iii. Menggunakan logo dan jenama Program Jualan Ihsan RAHMAH (PJIR).

Pihak swasta dan industri yang berhasrat untuk mengadakan Program Jualan Ihsan RAHMAH (PJIR) Musim Perayaan di premis perniagaan masing-masing boleh membuat pendaftaran dan menghantar permohonan notis kepada KPDN melalui portal Sistem Notis Jualan Murah (NJM) di pautan <http://njm.kpdn.gov.my> bagi tempoh jualan yang kurang daripada 31 hari. Sekiranya, pemohon ingin melanjutkan tempoh Jualan RAHMAH selepas tamat tempoh 31 hari, pemohon boleh mengemukakan notis penyertaan jualan yang baharu kepada KPDN melalui Sistem Notis Jualan Murah (NJM). Manakala, bagi pemohon yang berhasrat untuk mengadakan Jualan RAHMAH melebihi tempoh 31 hari, suatu notis atau permohonan bertulis hendaklah dihantar kepada Pegawai Pengawal (Ketua Setiausaha) KPDN bagi mendapatkan kelulusan.

KPDN boleh meluluskan permit jualan murah sehingga maksimum empat (4) bulan (melalui permohonan secara terus kepada Bahagian Penguatkuasa, KPDN berbanding tempoh maksimum 31 hari (melalui prosedur Notis Jualan Murah (NJM) yang sedia ada).

Prosedur permohonan Notis Jualan Murah (NJM) adalah seperti berikut:-

- i. Permohonan notis Jualan RAHMAH perlu dibuat secara dalam talian melalui portal Sistem Notis Jualan Murah (NJM);
- ii. Pemohon yang pertama kali mengakses Sistem Notis Jualan Murah (NJM) perlu mendaftar terlebih dahulu sebelum membuat permohonan notis;

- iii. Pemohon perlu membuat permohonan notis selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum jualan bermula;
- iv. Pemohon perlu mengisi beberapa butiran profil syarikat, lokasi jualan dan beberapa barangan yang hendak ditawarkan jualan murah;
- v. Pengesahan notis adalah secara automatik sebaik sahaja kesemua kriteria yang ditetapkan di dalam sistem Notis Jualan Murah (NJM) dipenuhi; dan
- vi. Notis Jualan Murah yang disahkan perlu dicetak oleh pemohon seterusnya disimpan di dalam setiap premis-premis yang mengadakan Jualan RAHMAH.

6. PENGGUNAAN LOGO RAHMAH TANPA KEBENARAN

Pihak KPDN boleh melaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat penyalahgunaan logo RAHMAH atau digunakan tanpa mendapat kebenaran KPDN terlebih dahulu oleh mana-mana individu, syarikat korporat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Sebarang pelanggaran oleh mana-mana individu, syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pemain industri dan agensi Kerajaan kepada Garis Panduan ini, KPDN boleh mengambil tindakan undang-undang seperti yang termaktub di dalam Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815] dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019.

7. MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI

7.1 Bagi memastikan pelaksanaan Program Payung RAHMAH MADANI dilaksanakan seperti mana yang dirancang, satu Sekretariat Induk Program Payung RAHMAH MADANI telah ditubuhkan di Kementerian ini. Berikut adalah maklumat berkaitan Sekretariat Program Payung RAHMAH MADANI yang boleh dihubungi oleh individu, syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pemain industri dan agensi

Kerajaan sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung penggunaan logo RAHMAH di bawah inisiatif-inisiatif Program Payung RAHMAH iaitu:-

Inisiatif	Maklumat Dihubungi
Menu RAHMAH	Pengarah, Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP), Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan (SDTP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Aras 5 (Podium 1), No.13, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62623 PUTRAJAYA. Tel : 03 – 8882 5704 / 5989 Emel : payungrahmah@kpdn.gov.my
Bakul RAHMAH	Pengarah, Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP), Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan (SDTP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Aras 5 (Podium 1), No.13, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62623 PUTRAJAYA. Tel : 03 – 8882 5704 / 5989 Emel : payungrahmah@kpdn.gov.my
Jualan RAHMAH	Pengarah, Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP), Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan (SDTP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Aras 5 (Menara), No.13, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan

Inisiatif	Maklumat Dihubungi
	Persekutuan, 62623 PUTRAJAYA. Tel : 03 – 8882 5765 / 5766 Emel : jualanmurah@kpdn.gov.my
Pakej RAHMAH	a. <u>Pakej RAHMAH - Jualan</u> Pengarah, Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP), Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan (SDTP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Aras 5 (Menara), No.13, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62623 PUTRAJAYA. Tel : 03 – 8882 5765 / 5766 Emel : jualanmurah@kpdn.gov.my b. <u>Pakej Rahmah – Selain Jualan</u> Pengarah, Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP), Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan (SDTP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Aras 5 (Podium 1), No.13, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Petadbiran Kerajaan Persekutuan, 62623 PUTRAJAYA. Tel : 03 – 8882 5704 / 5989 Emel : payungrahmah@kpdn.gov.my
Menu Siswa RAHMAH	Pengarah, Bahagian Mahasiswa Holistik (BMH), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT),

Inisiatif	Maklumat Dihubungi
	Aras 5, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 PUTRAJAYA. Tel : 03 – 8870 6000 Faks : 03 – 8870 6847 Emel : hirman@mohe.gov.my
Program Jualan Ihsan RAHMAH	Pengarah, Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP), Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan (SDTP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Aras 5 (Podium 1), No.13, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62623 PUTRAJAYA. Tel : 03 – 8882 5704 / 5989 Emel : payungrahmah@kpdn.gov.my

7.2 Garis Panduan ini tertakluk kepada perubahan dan pindaan berdasarkan arahan Kerajaan dari semasa ke semasa.

**Sekretariat Perdagangan Pengedaran
dan Industri Perkhidmatan (SPIP)
Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan (SDTP)
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup (KPDN)**

1 Januari 2025



Rahmah itu Berkat



MENU

RAHMAH
MADANI

Rahmah itu Berkat



BAKUL

RAHMAH
MADANI

Rahmah itu Berkat







MENU SISWA

RAHMAH
MADANI

Rahmah itu Berkat



**Pelanggaran dan penyalahgunaan ke atas mana-mana penggunaan logo RAHMAH seperti di atas oleh individu, syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pemain industri dan agensi Kerajaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berhak mengenakan apa-apa tindakan undang-undang ke atasnya.*